

Pindaan: Kerajaan akan dapatkan izin rajaz dulu — PM

U.M. 21 DEC 1992

KUALA LUMPUR 20 Dis. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mendapatkan persetujuan raja-raja sebelum meminda perlembagaan menghapuskan kekebalan raja-raja.

Katanya, satu mesyuarat khas raja-raja akan diadakan pada 16 Januari sebelum persidangan khas Dewan Rakyat dan Dewan Negara 18 hingga 20 Januari.

"Yang pasti, kita akan mendapatkan persetujuan daripada raja-raja terlebih dahulu," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Kejohanan Menunggang Kuda Perdana di Bukit Kiara Equestrian and Country Resort di sini hari ini.

Dr. Mahathir ditanya mengenai pendirian DAP bahawa parti itu akan hanya menyokong pindaan perlembagaan berkaitan kekebalan raja-raja jika kerajaan mendapat persetujuan raja-raja terlebih dahulu.

Katanya, pada umumnya rakyat menyokong usaha kerajaan dalam perkara ini dan jika ada mana-mana parti enggan memberikan sokongan kerana fahaman politik, rakyat tentu akan bertanya apakah pendirian mereka sebenarnya.

Mengenai pendirian Semangat 46 yang enggan menyokong isu pindaan perlembagaan ini, Dr. Mahathir berkata, parti itu telah terkeliru antara isu perlucutan kekebalan raja dan kedudukan raja-raja apabila mereka menyeru semua pihak

supaya menolak cadangan meminda perlembagaan itu.

Perdana Menteri berkata, kedua-dua perkara itu tidak kena mengena kerana di banyak negara di dunia yang tidak ada kekebalan raja tetapi mereka masih kekal sebagai raja.

"Saya tidak faham mengapa mereka menolak cadangan tersebut kerana kita dah nyatakan bahawa kita masih inginkan institusi raja tapi tentulah di zaman moden ini, rakyat malahan dunia sekalipun tidak boleh menerima kekebalan yang memberi hak kepada mana-mana pihak untuk melakukan benda-benda yang tidak baik kepada orang lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai Semangat 46 yang

menyeru orang Melayu menolak cadangan meminda sebarang peruntukan perlembagaan yang boleh menjejaskan kedudukan raja-raja.

Dr. Mahathir juga ditanya mengenai kenyataan Ketua Penerangan Semangat 46, Ahmad Shabery Chik dalam sidang akhbar kelmarin yang menganggap cadangan pindaan tersebut adalah keterlaluan, tidak sensitif kepada perasaan orang Melayu dan menjejaskan prinsip ketuanan Melayu.

"Anggapan tersebut tidak benar...apakah kalau hanya raja boleh pukul orang, boleh bunuh orang baru dikira raja...itu tidak benar," ujar beliau.